

BERITA HARIAN, KHAMIS, 11 FEBRUARI, 1982

LAMBANG BN: SIKAP TEGAS PM DIALU

KOTA BHARU, Rabu — BERJASA mengalu-alukan sikap tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai penggunaan simbol Barisan Nasional dalam pilihanraya umum akan datang oleh parti-parti komponen.

Setiausaha Agungnya, Encik Ismail Haji Ali menyokong penuh cadangan Datuk Seri Dr. Mahathir supaya parti komponen Barisan Nasional menggunakan lambang yang sama bagi mengelakkan sebarang kekeliruan di kalangan pengundi-pengundi.

Katanya, terdapat satu dua cawangan BERJASA di Kelantan memohon kepada pucuk pimpinan BERJASA menggunakan lambang parti itu dalam pilihanraya akan datang.

"Permohonan itu ditolak dengan alasan BERJASA bertanding atas tiket BN dan lambangnya mestilah dacing," katanya.

Beliau memberitahu *Berita Harian* hari ini, penggunaan lambang masing-masing dalam pilihanraya, akan mengelirukan pemikiran para pengundi membuat keputusan terutama bagi penduduk kawasan luar bandar di seluruh negara.

Encik Ismail menyeru semua parti komponen BN mematuhi arahan Perdana Menteri menggunakan lambang yang sama dalam pilihanraya.

Beliau berkata, keputusan Datuk Seri Dr. Mahathir itu adalah tepat dan wajar kerana jika dibenarkan parti-parti komponen BN menggunakan lambang masing-masing, peluang parti-parti lawan mengeksploitasi isu-isu politik dalam pilihanraya akan tercapai.

Menurutnya, penggunaan lambang parti sendiri menunjukkan kelemahan prestasi BN di seluruh negara dan mungkin boleh digambarkan sebagai tidak wujud persefahaman antara parti-parti komponen.